

(3 Februari 2021) Sinar Harian, p.5

# Kes baharu Covid-19 menurun

Sebanyak 3,455 kes dicatat pada Selasa berbanding 4,214 kes hari sebelumnya

**KUALA LUMPUR**

**K**es baharu Covid-19 mencatatkan penurunan kepada 3,455 kes pada Selasa daripada 4,214 kes semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah kes baharu itu, lima merupakan kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara manakala penularan dalam negara pula sebanyak 3,450 kes.

“Selangor terus merekodkan jumlah kes baharu harian tertinggi iaitu 1,145 diikuti Johor (708 kes) dan Kuala Lumpur (619),” katanya dalam satu kenyataan mengenai

perkembangan Covid-19 di sini pada Selasa.

Jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 pula meningkat kepada 222,628 kes manakala jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan adalah 47,847.

Sebanyak 21 kes kematian dilaporkan pada Selasa menjadikan kes kematian tertinggi direkodkan bagi tempoh 24 jam setakat ini.

Jumlah kumulatif kes kematian kini 791 kes dengan kes yang ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pula mencecah 327 dengan 145 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Beliau berkata, 77 kes (2.2

peratus kes baharu) yang dilaporkan melibatkan kluster di lokap, depot tahanan imigresen dan penjara iaitu Kluster Tembok Taiping dengan 21 kes, Kluster Tembok Renggam (17), Kluster Tembok Sungai Udang (15), Kluster Tembok Bukit Besi (10), Kluster Penjara Jalan Harapan (9), Kluster Penjara Seberang Perai (tiga), dan Kluster Tembok Mempaga (dua).

Sementara itu, beliau berkata, tujuh kluster baharu dikesan dengan enam daripadanya merupakan kluster di tempat kerja dan satu melibatkan komuniti.

Kluster tempat kerja iaitu


Jalan Ragum dan Bukit Rahman di Selangor, Parit Jamil Darat (Johor), Tapak Bina Jalan Cheras (Kuala Lumpur), Taman Muhibbah (Pahang) dan Industri Serkam (Melaka), manakala Semarak Bersia di Perak merupakan kluster komuniti.

Dr Noor Hisham berkata, jumlah kluster aktif kini sebanyak 404 dengan 70 daripadanya mencatatkan pertambahan kes baharu.


Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada Selasa adalah Kluster Tapak Bina Jalan Cheras (332 kes), Kluster Jalan Ragum (210 kes) dan Kluster Jalan Seroja (204 kes). - Bernama

**SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT ISNIN**

\*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 2 Februari 2021



**Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia**



**JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI**

JUMLAH KESELURUHAN: 222,628	PULIH: 173,990	ICU: 327	KEMATIAN: 791	KES BAHARU: +3,455
-----------------------------	----------------	----------	---------------	--------------------

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 219,173 kes kepada 222,628 kes

